

Kosmo 16/8/06 (MSY)

Seniman Mustapha Maarof anggap hina majlis

Sharifah Amani terus dikritik

Oleh MANIRAH OTHMAN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Alasan pelakon Sharifah Amani bahawa dia tidak fasih berbahasa Melayu ditolak oleh pihak yang terlibat dalam industri perfileman.

Pemangku Presiden Persatuan Pengeluar Filem-Filem Malaysia, Rohani Abdul Rahman berkata, alasan itu tidak boleh diterima kerana Sharifah Amani boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan dalam lakonannya.

"Kalau dalam filem dia boleh berbahasa Melayu, semestinya di luar terutama dalam majlis penting seperti malam akhir FFM (Festival Filem Malaysia) dia sepatutnya berbahasa Melayu," katanya.

Beliau mengulas isu Sharifah Amani menyatakan bahawa dia kelihatan bodoh kalau berbahasa Melayu dalam ucapannya selepas diumumkan sebagai Pelakon Wanita Terbaik FFM19 baru-baru ini.

Dalam pada itu, ucapannya 'if



SHARIFAH AMANI

membuat filem itu mencemar budaya, *let's do it more often*, yang merujuk filem *Gubra* sebagai pencemar budaya turut

mengundang kontroversi.

Semalam, dalam jawapannya kepada KOSMO!, Sharifah Amani menjelaskan bahawa dia tidak

mahu kelihatan bodoh jika berucap dalam bahasa Melayu sedangkan dia dapat meluahkan perasaan dengan baik dalam bahasa Inggeris.

Sementara Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), Senator Datuk Jins Shamsudin berpendapat, Sharifah Amani tiada masalah untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

"Saya tidak nampak kelemahan bahasanya itu dan jika dia tidak yakin, dia tidak perlu bercakap banyak," ujarnya.

Presiden Persatuan Seniman Malaysia, Datuk Mustapha Maarof menganggap kenyataan itu menghina majlis tersebut.

"Saya percaya ramai yang kecewa dengannya," katanya.

Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi Mara (UTM), Dr. Norizah Ardi memberitahu, Sharifah Amani memalukan diri sendiri sebagai orang Melayu.

"Sepatutnya sebagai orang Melayu, dia bangga dengan bahasanya sendiri," katanya.